

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN SIM TZE TZIN

TARIKH:

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah peratus pengangguran orang muda umur 18-25 tahun, 26-30 tahun, 31-35 tahun dan 36-40 tahun (*youth /unemployment*). Apakah program untuk membantu mereka.

PR-1342-T75101

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia bagi Tahun 2015, definisi orang muda adalah orang yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun. Bagi penganggur di antara umur 15 hingga 19 tahun adalah sebanyak 18.7 peratus, jumlah

penganggur di antara umur 20 hingga 24 tahun sebanyak 42.1 peratus, jumlah penganggur di antara umur 25 hingga 29 tahun sebanyak 20.4 peratus, jumlah penganggur di antara umur 30 hingga 34 tahun sebanyak 7.7 peratus, jumlah penganggur di antara umur 35 hingga 39 tahun sebanyak 4.5 peratus dan jumlah penganggur di antara umur 40 hingga 44 tahun sebanyak 2.6 peratus. Kebanyakan pengangguran dikalangan orang muda adalah disebabkan mereka merupakan pencari kerja kali pertama dan fenomena ini berlaku di mana-mana negara jua, khususnya dalam pasaran buruh yang dinamik dan berkembang.

2. Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap isu pengangguran dan Kerajaan menerusi kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah merangka dan melaksanakan program-program berikut:

(i) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan *government-linked company* (GLC). Jumlah graduan yang telah berjaya dilatih di bawah program ini mulai tahun 2011 hingga kini adalah seramai 71,089 orang.

(ii) Program Latihan Keusahawanan di bawah Majlis Amanah Rakyat

Program Latihan Keusahawanan memberi peluang kepada graduan yang berminat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran keusahawanan.

(iii) Graduate Employability Management Scheme (GEMS) oleh Talent Corporation.

Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpkerjaan graduan dengan latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri.

3. Manakala Kementerian Sumber Manusia (KSM) khususnya telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap kebolehpkerjaan melalui program-program latihan kemahiran, antaranya:

- (i) memperluaskan akses untuk mendapat latihan dalam bidang kemahiran melalui penubuhan Institut Latihan Kemahiran Awam;
- (ii) menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk lepasan sekolah dan pekerja bagi mengikuti latihan kemahiran di institusi-institusi latihan kemahiran awam dan swasta;

- (iii) mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama seperti Program Strategik untuk Belia 1Malaysia (SAY1M) dan Belia Berwawasan bagi mengurangkan jurang *mismatch* kemahiran dengan keperluan industri; dan
 - (iv) Meningkatkan kebolehpasaran pelatih sekaligus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan (*dual certification*) melalui Program *Industrial Skills Enhancement* (INSEP) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).
4. Malah bagi mempermudah akses kepada peluang pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

(i) Portal Perkhidmatan Pekerjaan

JobsMalaysia merupakan portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja.

(ii) Program Penempatan Pekerjaan

Merupakan satu program yang menemukan pencari kerja termasuk graduan dengan majikan secara langsung.

(iii) Penubuhan *Urban Transformation Centre (UTC)*/ *Rural Transformation Centre (RTC)*

Merupakan satu inisiatif Kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan. KSM turut mengambil bahagian dengan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti melalui bimbingan kerjaya, bantuan pembiayaan kemahiran, pendidikan, latihan serta mendapatkan maklumat berkaitan peluang pekerjaan.

(iv) Karnival Kerjaya (*Job Fair*)

Penganjuran karnival pekerjaan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dan majikan yang sepadan melalui temuduga terbuka.

(v) Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya

Ia berfungsi sebagai "*One Stop Centre*" bagi pencari kerja. Pusat ini berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja.

(vi) Pusat Maklumat Kerjaya (CIC)

Maklumat pekerjaan disebarkan dalam laman web Kementerian dan juga JobsMalaysia.